

14 SEP 1998

Komanwel-Hoki Wanita (Mahathir)

PERDANA MENTERI HILANGKAN KEKECEWAAN PEMAIN HOKI WANITA

KUALA LUMPUR, 14 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menemui skuad hoki wanita kebangsaan di Stadium Hoki Pantai di sini untuk memberikan sokongan moral kepada mereka.

Walaupun kunjungan Perdana Menteri itu agak terlewat dan tidak berpeluang untuk menyaksikan perlawanan antara Malaysia dengan India petang tadi, namun ia menghilangkan kekecewaan pasukan negara yang tewas 1-6 kepada India.

Para pemain kelihatan riang apabila berpeluang untuk bersalaman dan bergambar bersama Dr Mahathir.

Perdana Menteri juga turut memberi kata-kata semangat kepada mereka.

Yang turut hadir untuk menyaksikan perlawanan petang tadi ialah Menteri Belia dan Sukan Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Menteri Besar Perak Tan Sri Ramli Ngah Talib.

-- BERNAMA

AA ZAB